

**KEKURANGAN PENGLIBATAN BURUH TEMPATAN DALAM
INDUSTRI PEMBINAAN DARI PERSPEKTIF ORANG AWAM**

MOHD EHYAUDDIN BIN AHMAD ZAKI

Tesis ini dikemukakan sebagai
memenuhi syarat penganugerahan
ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MEI 2008

ABSTRAK

Malaysia kini sedang berada dalam fasa perubahan daripada sebuah negara membangun kepada negara maju. Perkembangan positif ini telah menyebabkan permintaan tenaga kerja yang tinggi di dalam industri pembinaan. Malangnya, keperluan untuk tenaga kerja ini tidak dapat dipenuhi sepenuhnya oleh warga tempatan, menyebabkan buruh asing diimport bagi memenuhi permintaan tenaga kerja yang tinggi ini. Kekurangan penglibatan buruh tempatan ini adalah didorong oleh beberapa faktor yang menghalang warga tempatan memilih industri pembinaan sebagai suatu kerjaya. Selaku pihak yang bertindak sebagai sumber tenaga kerja tempatan, pandangan orang awam terhadap faktor-faktor kekurangan penglibatan buruh tempatan dalam industri ini perlu dikenalpasti. Oleh itu, objektif kajian ini adalah bagi mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan kekurangan penglibatan buruh tempatan dalam industri pembinaan dari perspektif orang awam. Skop kajian adalah merangkumi orang awam di sekitar Johor Bahru, berumur di antara 18 hingga 60 tahun. Metodologi kajian yang digunakan adalah borang soal selidik yang diedarkan kepada responden yang telah dikenalpasti. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah Skala Likert bagi mengkaji kecenderungan sesuatu faktor yang menyebabkan kekurangan buruh tempatan dalam industri pembinaan. Berdasarkan hasil analisis yang diperolehi, fokus di peringkat sekolah yang terlalu menekankan kepada akademik semata-mata daripada subjek-subjek vokasional menjadi faktor paling utama yang menyebabkan kekurangan penglibatan buruh tempatan di dalam industri pembinaan, diikuti dengan faktor-faktor lain seperti kurangnya sokongan dari pihak-pihak tertentu bagi menggalakkan warga tempatan memilih industri binaan sebagai kerjaya, penasihat-penasihat kerjaya yang tidak menerangkan tentang peluang-peluang yang ditawarkan oleh industri binaan dalam aspek pendapatan dan pembangunan kerjaya serta kurangnya sumber-sumber maklumat di sekolah yang menyediakan latihan vokasional yang sepatutnya kepada para pelajar.

ABSTRACT

Malaysia today is in the transition phase from the standard of developing country into the advanced country. This positive development has caused high demand for workforces in the construction industry. Unfortunately, the demand cannot be fulfilled entirely by our local people, making foreign labourers to be imported as an alternative to fill up the vacancies and to overcome the high demand of construction workers. The insufficient of these local workforces is influenced by several factors that prevent our local people to choose construction industry as their profession. As the parties which act as local workforce sources, the public views on the factors which cause the insufficient of local labourer's involvement in this industry needs to be identified. The objective of this research is to identify the factors which cause the shortage of local labourer's involvement in construction industry from public perspective. The scope of this research is the public at Johor Bahru area, aged from 18 to 60 years old. The methodology used for this research is the questionnaire which distributes to the respondent. The data collected from the questionnaire then being analysed by using Likert Scale method to examine the tendency of such factors to cause the shortage of local workforces in the construction industry. Based on the analysis result, focuses at school that concentrates more on academics rather than other vocational subjects have become the main factor of the scarcity in local labour involvement in the construction industry, followed by other factors like less support given by certain parties or people that encourage them to choose construction industry as their profession, career consultant which not explaining about the opportunities offered by this industry in the aspect of income and career development, also lack of information sources at school that provides suitable vocational training for students.